



LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA

2 0 1 6

Laporan Program Galakan Membaca 2016
Perpustakaan Negara Malaysia

2016 © Hak Cipta Terpelihara . Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2016

ISSN 2600-7401

1. Reading Promotion--Malaysia.
 2. Reading interests--Malaysia.
 3. Books and reading--Malaysia.
- I. Perpustakaan Negara Malaysia.
028.909595



Perpustakaan Negara Malaysia
232 Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 2687 1700
Faks : 03 - 2694 2490



ISI KANDUNGAN

Sekapur Sirih	3
Dasar Program Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia	4
Program Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia	
a. Kem Membaca 1Malaysia (KM1M)	5
b. Jom Baca Bersama 10 Minit	11
c. #MalaysiaNgaji	17
d. Bacalah...Kamu Masih Di Hati	23
e. Karnival Semarak Jawi@Perak	30
f. Ekspo Buku 1Malaysia	36
Program Literasi Media dan Maklumat	37
Program Pembudayaan Tulisan Jawi	47
Statistik Pelaksanaan Program Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Desa di Malaysia	55
Program Galakan Membaca Perpustakaan Awam Negeri	59
Program Galakan Membaca Perpustakaan Desa PNM	89
Statistik Program Galakan Membaca 2016	117



Sekapur Sirih

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Sekalung penghargaan dan syabas diucapkan kepada pihak urus setia atas usaha menerbitkan Laporan Program Galakan Membaca 2016. Kejayaan penerbitan ini juga hasil kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Desa, jabatan, agensi serta rakan-rakan sinergi yang melaksanakan Program Galakan Membaca.

Sebagai penggerak Program Galakan Membaca, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa komited terhadap usaha menyuburkan budaya membaca yang dilihat sebagai satu komponen penting dalam pembentukan negara maju selaras dengan inisiatif Transformasi Nasional (TN50) yang menitikberatkan pembudayaan ilmu dalam kalangan masyarakat. Ilmu pengetahuan berdasarkan amalan membaca pula merupakan satu landasan untuk melahirkan kelompok masyarakat yang berilmu dan seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Penerbitan laporan ini merupakan usaha konsisten PNM bagi mengumpul dan menyebarkan dokumentasi maklumat dan sumber rujukan khususnya statistik mengenai Program Galakan Membaca yang telah dilaksanakan secara holistik dan sinergi oleh PNM serta komuniti perpustakaan di bawah teraju dan seliaan PNM dalam usaha melestari dan menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Semoga penerbitan laporan ini dapat dijadikan bahan rujukan dan panduan dalam melaksanakan pelbagai Program Galakan Membaca yang menarik, kreatif dan inovatif serta memberikan impak positif dan seterusnya dapat melestarikan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

DATO' NAFISAH BINTI AHMAD
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia




Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia

‘Memastikan Program Galakan Membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu’

Dasar ini adalah bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara mengikut Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2)(m) iaitu :

**“Menggalakkan Dan Memudahkan
Penanaman Sifat Gemar Membaca”**





1 Kem Membaca Malaysia (KM1M)

(4-6 April 2016)

KEM MEMBACA 1 MALAYSIA

"Membaca Menjana Pemikiran 1 Malaysia"

4 - 6 APRIL 2016 | ISNIN - RABU

JOM baca bersama untuk 1 minit

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BLINK Reading

MB KM

Kem Membaca 1Malaysia merupakan Program Galakan Membaca terbesar di bawah inisiatif Program Gerakan Tabiat Membaca yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 2009. Majlis Pelancaran KM1M 2016 telah diadakan pada 4 April 2016 di Sekolah Menengah Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Bahru, Johor. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Khairil bin Haji Awang, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia mewakili Datuk Dr Khair bin Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan Puan Maizan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah PNM telah mewakili Ketua Pengarah PNM. Pada 6 April 2016, majlis penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Aminudin bin Adam, Pengarah Pendidikan Negeri Johor. Seramai 1200 orang telah menghadiri majlis termasuk pegawai KPM dan PNM, guru-guru, ibu-bapa, orang awam, pelajar sekolah rendah dan menengah.



OBJEKTIF

- Menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan bermaklumat;
- Meningkatkan kemahiran teknik pencarian, penilaian, penggunaan, pengurusan, dan penyebaran maklumat secara berkesan, tepat dan beretika;
- Menyebar luas kepentingan literasi maklumat kepada kumpulan sasaran khususnya masyarakat;
- Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat;
- Mempromosi produk dan perkhidmatan PNM kepada warga Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya pelajar dan guru/pendidik.

Pelaksanaan Program

➤ Kem Perdana Literasi Maklumat dan Media

Kem ini diadakan serentak di empat buah sekolah terpilih sekitar Johor Bahru iaitu Mactab Sultan Abu Bakar (MSAB), SMK (P) Sultan Ibrahim (SIGS), SMK Sultan Ismail (SSI) dan SMK Sultanah Engku Tun Aminah (SETA). Jumlah peserta kem ini adalah 283 orang pelajar sekolah menengah. Aktiviti LMM merangkumi ceramah, kuiz refleksi minda, latihan “hands-on” dan aktiviti berkumpulan. Taklimat yang disampaikan adalah berdasarkan kepada modul tahap pertengahan yang dikemas kini dan disesuaikan dengan keperluan kumpulan sasaran. Kem Perdana LMM ini telah dikendalikan oleh lapan orang tenaga pengajar daripada kumpulan SME LMM PNM.



► Sesi Membaca Bersama (*Let's Read Together*)

Sesi membaca bersama selama 10 minit telah diadakan sebagai simbolik amalan membaca. Buku-buku bagi sesi ini disediakan oleh PNM melalui koleksi percuma dari Bahagian Pembangunan Koleksi (BPK), PNM.



► Pameran Produk Perkhidmatan Digital PNM

Pameran produk yang disediakan adalah berkaitan dengan pangkalan data yang dilanggan oleh PNM dan terdapat di dalam Portal Sumber Elektronik PNM Digital, Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi serta perkhidmatan PNM.



► Sumbangan Buku dan Bahan Promosi

PNM telah memberi sumbangan buku dan bahan promosi galakan membaca seperti poster dan gegantung kepada tujuh buah sekolah iaitu Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), SJK (C) Infant Jesus Convent, SK Nong Chik (SNC), SMK (P) Sultan Ibrahim (SIGS), SMK Mohd Khalid, SMK Sultan Ismail (SSI) dan SMK Sultanah Engku Tun Aminah (SETA).



► Kempen Keahlian dan Promosi u-Pustaka

PNM turut mengadakan kempen keahlian u-Pustaka dengan seramai 700 pendaftaran baru telah diperolehi.



► Sesi Motivasi Bersama Penceramah Motivasi

Sesi ini memberi peluang kepada 500 orang pelajar sekolah daripada kawasan sekitar Johor Bahru untuk meningkatkan keyakinan diri melalui perkongsian sesi motivasi bersama Encik Abdul Razak Muthalib, penceramah jemputan daripada Syarikat Akademi Magnet Sukses Sdn. Bhd.

Pelaksanaan Program Kem Membaca 1Malaysia ini telah membawa impak positif kepada kumpulan sasaran yang bermatlamat untuk menerapkan nilai cintakan ilmu dan budaya membaca bagi melahirkan generasi pelapis yang cerdas dan mempersiapkan mereka menghadapi persaingan arus globalisasi.





Program Jom Baca Bersama 10 Minit (25 April 2016)

Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2014 dan pada tahun 2016 program ini diperkasakan dengan penglibatan semua masyarakat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Program ini merupakan langkah membentuk masyarakat ke arah minat membaca walaupun dalam tempoh yang singkat iaitu selama 10 minit. Ia merupakan sokongan semua perpustakaan di Malaysia bersama-sama pihak kerajaan bertujuan meningkatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

OBJEKTIF

- Membudayakan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia;
- Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu dalam kalangan warga Malaysia;
- Memberi manifestasi bahawa budaya membaca sebagai sebahagian daripada elemen penting dalam membentuk masyarakat maju.

Pelaksanaan Program

Program Jom Baca Bersama 10 Minit telah dijalankan secara serentak di seluruh negara oleh perpustakaan awam negeri, institusi pendidikan – universiti dan sekolah, kementerian dan agensi kerajaan, agensi swasta termasuk badan bukan kerajaan (NGO) pada 25 April 2016 pada jam 11.00 hingga 11.10 pagi. Majlis Pelancaran Program Jom Baca Bersama 10 Minit peringkat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diadakan di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia dan telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Hajah Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM.

Program Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun untuk menggalakkan pembacaan, penerbitan dan perlindungan harta intelek hak cipta.



Program ini merupakan langkah membentuk masyarakat ke arah minat membaca walaupun dalam tempoh yang singkat iaitu selama 10 minit. Ia merupakan sokongan semua perpustakaan di Malaysia bersama-sama pihak kerajaan meningkat tabiat atau budaya membaca dalam kalangan masyarakat.



Pengisian Aktiviti

Pengisian aktiviti yang telah diadakan bersempena dengan Program Jom Baca Bersama 10 Minit adalah seperti berikut:

- *A Voyage Through Books: Alice in Wonderland II*
- Baca Naskhah Lama Manuskrip
- Bersama Dr. Buku: Buat Buku Sendiri
- Ceritalah Sayang bersama Kak Eryn
- *Read Me a Story*
- Ceramah Cyber Security & *The New Generation*
- Demonstrasi Hafazan Al-Quran Kaedah Al-Baghdadi
- Jelajah Digital
- Kuiz e-teroka
- *Reading Circle*
- Mari Melukis Bersama Haji Zainal Buang Hussin







Statistik Program Jom Baca Bersama 10 Minit

Bil.	Agensi	Penyertaan
1.	PNM	1,123
2.	Kelantan	37,683
3.	Perlis	48,067
4.	Kedah	81,675
5.	Sabah	101,126
6.	Melaka	173,857
7.	Sarawak	242,874
8.	Negeri Sembilan	243,675
9.	Kuala Lumpur	247,629
10.	Pahang	301,265
11.	Terengganu	301,684
12.	Perak	391,684
13.	Pulau Pinang	526,072
14.	Johor	633,017
15.	Selangor	850,481
16.	Perpustakaan Desa PNM	63,493
17.	Perpustakaan Gunasama	4,671
Jumlah		4,250,076

Tahun	Penyertaan	Peningkatan %
*2014	2.5 juta	*tahun pertama program dilaksanakan
2015	2.54 juta	1.6%
2016	4.25 juta	67.3%

Program **#MalaysiaNgaji**

(29 Jun 2016)

Program #MalaysiaNgaji merupakan langkah membentuk perilaku masyarakat agar amalan membaca al-Quran diterapkan dan membentuk akhlak yang mulia serta modal insan di dalam diri semua insan. Ia juga secara tidak langsung meningkatkan usaha mendekatkan al-Quran dalam kalangan masyarakat. Program ini dilaksanakan secara serentak di seluruh negara dengan kerjasama semua Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dengan konsep membaca al-Quran, mendalami maksud dan bertadabbur .

OBJEKTIF

- Menilai sejauh mana hubungan dan interaksi dengan al-Quran serta kesedaran tentang perlunya kepada al-Quran;
- Melihat al-Quran sebagai panduan paling lengkap untuk kehidupan seharian;
- Membentuk perilaku ummah agar amalan membaca al-Quran diterapkan dan membentuk sifat-sifat kerohanian seperti akhlak yang mulia serta modal insan di dalam diri semua insan.





Pelaksanaan Program

Program #MalaysiaNgaji telah dijalankan secara serentak di seluruh negara oleh perpustakaan awam negeri, institusi masjid, institusi pendidikan (universiti dan sekolah), kementerian dan agensi kerajaan, agensi swasta termasuk badan bukan kerajaan pada 29 Jun 2016 bersamaan 24 Ramadan 1437 pada jam 12.00 tengah hari hingga 1.00 petang.

Pengisian Aktiviti

Pengisian aktiviti adalah seperti berikut:

➤ Satu Jam Bersama al-Quran (#MalaysiaNgaji)

Sesi membaca al-Quran selama 1 jam pada jam 12.00 tengah hari – 1.00 petang telah diadakan di ruang legar aras 1 dan dijayakan oleh seramai 500 orang peserta yang terdiri dari para jemputan iaitu agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, pelajar-pelajar sekolah, pengguna dan kakitangan PNM. Sesi ini dipimpin oleh Ustaz Haji Azwan Ali.

➤ Tadarus al-Quran

Sesi tadarus al-Quran turut diadakan bersempena dengan program ini dan telah disertai oleh semua tetamu jemputan.

➤ Ceramah Nilai-nilai Murni

Ceramah nilai-nilai murni bertajuk ‘Sesuci Ramadan: Sucikan Hati, Bersihkan Jiwa’ telah disampaikan oleh Ustaz Nabil Ahmad dari Kumpulan Nasyid Far East.

➤ Persembahan Qasidah

Persembahan qasidah turut diadakan bersempena dengan Program #MalaysiaNgaji oleh pelajar-pelajar tahfiz Madrasah Al-Aziz.



► Jualan Bazar Ramadan

Jualan bazar ramadan turut diadakan bagi memeriahkan program ini yang diuruskan oleh Puspanita PNM.

► Majlis Berbuka Puasa dan Solat Berjemaah

Majlis berbuka puasa dan solat maghrib, isyak dan sunat tarawih secara berjemaah turut diadakan sebagai penutup kepada program #MalaysiaNgaji.

Statistik Penyertaan Program “#MalaysiaNgaji” adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Jumlah
1.	Perpustakaan Negara Malaysia	500
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	6,495
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	6,555
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	6,048
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka	2,062
6.	Perpustakaan Negara Malaysia Cawangan Negeri Perlis	8,376
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan	2,110
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah	23,748
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang	164,516
10.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu	257,798
11.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor	3,060
12.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang	258,227
13.	Pustaka Negeri Sarawak	323
14.	Perpustakaan Awam Negeri Sabah	162
15.	Perpustakaan Kuala Lumpur	165
JUMLAH KESELURUHAN PENYERTAAN		740,145

Galeri Program #MalaysiaNgaji



Program #MalaysiaNgaji dimulakan dengan sesi tadabbur 10 ayat terakhir surah Al-Baqarah oleh Ustaz Azwan Ali.





Persembahan Qasidah turut diadakan bersempena dengan Program #MalaysiaNgaji oleh pelajar-pelajar tafhib Madrasah Al-Aziz.

Ustaz Nabil Ahmad dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sedang menyampaikan ceramah nilai-nilai murni bertajuk “Sesuci Ramadan : Sucikan Hati, Bersihkan Jiwa”.



Persembahan nasyid oleh Kumpulan Far East.



Kanak-kanak cilik turut menjayakan Program #MalaysiaNgaji.



Para pelajar daripada Sekolah Menengah Sains Seri Puteri tekun mendengar ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Nabil Ahmad.



Tetamu jemputan sedang menikmati hidangan berbuka puasa.



Tetamu jemputan mengerjakan solat sunat tarawih secara berjemaah sebagai penutup Program #MalaysiaNgaji.



Program Bacalah... Kamu Masih Di Hati

(11 Oktober 2016)

Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati merupakan program galakan membaca yang dilaksanakan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antara PNM dan Jabatan Penjara Malaysia. Program ini telah bermula pada tahun 2010 di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka dan diteruskan lagi pada tahun 2016 di Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor yang telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Haji Hassan bin Sakimon, Timbalan Ketua Pengarah Penjara Malaysia (Keselamatan dan Koreksional).

Program ini diadakan bagi memberi peluang kepada mereka yang menghuni institusi pemulihan untuk mendapat akses kepada bahan bacaan seterusnya membantu mereka untuk melihat dunia yang lebih luas melalui aktiviti pembacaan di sebalik tirai besi.

Seramai 400 tetamu jemputan yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Integriti Muar, pelajar-pelajar sekolah berdekatan di Daerah Muar dan guru-guru Perpustakaan dan Media sekitar daerah Muar telah menyertai program ini.

OBJEKTIF

- Memberi peluang kepada penghuni pusat pemulihan mendapat akses kepada bahan bacaan dan maklumat;
- Membantu pihak pusat pemulihan menyediakan bahan bacaan dalam pelbagai bidang perkara yang sesuai untuk bacaan penghuninya;
- Meningkatkan minat membaca dalam kalangan warga pusat pemulihan sebagai gaya hidup dan riadah minda melalui aktiviti pembacaan.



Pengisian Aktiviti

➤ Ceramah Motivasi

YM Dr. Tengku Asmadi Tengku Mohamad, pakar motivasi terkenal telah menyampaikan ceramah motivasi tentang kepentingan ilmu dan pembacaan kepada tahanan dan jemputan yang menyertai Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati 2016.

➤ Mari Membaca Bersama (*Let's Read Together*)

Sesi Mari Membaca Bersama selama 5 minit telah diadakan sempena program ini dan telah disertai oleh semua tetamu jemputan yang hadir.

➤ Sumbangan Bahan Bacaan Kepada Perpustakaan Sekolah Integriti Muar

PNM turut membantu menambah baik pengurusan Perpustakaan Sekolah Integriti Muar, Pusat Pemulihan Akhlak Muar dengan sumbangan bahan bacaan dan susun atur perpustakaan.

➤ Sumbangan Bahan Bacaan oleh Ahli Keluarga Penghuni

Seramai 17 orang waris telah menyampaikan sumbangan bahan bacaan kepada pelajar-pelajar Sekolah Integriti Muar.

➤ Bengkel Literasi Media dan Maklumat

Bengkel Literasi Media dan Maklumat telah diadakan kepada penghuni Pusat Pemulihan Akhlak Muar, guru-guru Sekolah Integriti seluruh Malaysia dan guru-guru Perpustakaan dan Media Daerah Muar. Para peserta bengkel telah dibimbing mengenai kaedah pencarian maklumat berkesan dalam bentuk bahan bacaan atau secara atas talian melalui pelaksanaan bengkel ini.

➤ Bengkel Pengurusan Asas Perpustakaan

Bengkel Pengurusan Asas Perpustakaan telah diadakan bagi memberi panduan dan bimbingan kepada guru-guru Sekolah Integriti seluruh Malaysia dan guru-guru Perpustakaan dan Media Daerah Muar mengenai cara menguruskan perpustakaan secara sistematik dan berkesan.

► Sumbangan Sistem Perpustakaan (Winisis)

Winisis telah disumbangkan kepada Perpustakaan Sekolah Integriti Muar, Pusat Pemulihan Akhlak Muar bagi membantu pihak perpustakaan tersebut dalam pengurusan dan perkhidmatan yang lebih baik serta sistematik.

Galeri Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati



Guru-guru Sekolah Integriti Seluruh Malaysia dan Guru-guru Perpustakaan dan Media Daerah Muar sedang mengikuti Bengkel Literasi Media dan Maklumat.



Penghuni Pusat Pemulihan Akhlak Muar sedang mengikuti Bengkel Literasi Media dan Maklumat.



Proses menambah baik Perpustakaan Sekolah Integriti Muar sedang dilakukan dengan kerjasama petugas Perpustakaan Desa Johor, guru-guru dan pelajar-pelajar.



Pelajar-pelajar sekolah sekitar Daerah Muar turut hadir ke Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati.



Pelajar-pelajar Sekolah Integriti Muar sedang mengikuti ceramah motivasi yang disampaikan oleh YM Dr. Tengku Asmadi Tengku Mohamad.



Barisan Tetamu Kehormat yang hadir memeriahkan Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati.



Sesi Mari Membaca Bersama dijayakan oleh pelajar-pelajar.





“Persembahan Selamat Datang” dan sketsa yang dijayakan oleh pelajar-pelajar Sekolah Integriti Muar menghiburkan tetamu jemputan yang hadir.



Gimik perasmian disempurnakan oleh YBhg.Dato' Haji Hassan bin Sakimon, Timbalan Komisioner Jeneral Penjara dan Puan Maizan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah PNM.



Waris pelajar Sekolah Integriti Muar menyampaikan sumbangan bahan bacaan.



Tetamu Kehormat melakukan lawatan ke Perpustakaan Sekolah Integriti Muar dan beramah mesra bersama pelajar-pelajar dan guru-guru.

Karnival Semarak Jawi@Perak

(14-15 Oktober 2016)

Bagi meneruskan legasi pembudayaan tulisan jawi di Malaysia, Karnival Semarak Jawi mula dilaksanakan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada 2011 melalui kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Seterusnya melalui kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (2012), Perpustakaan Awam Negeri Kedah (2014) dan Politeknik Port Dickson pada tahun 2015.

Pada tahun 2016, Perpustakaan Negara Malaysia telah bekerjasama dengan Perpustakaan Awam Negeri Perak menganjurkan Karnival Semarak Jawi@Perak 2016. Program ini telah diadakan pada 14 – 15 Oktober 2016 bertempat di Perpustakaan Awam Negeri Perak. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohammed Radzi, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak.

Seramai 5,767 orang peserta dan pengunjung telah hadir ke program ini yang terdiri daripada pelajar taska/tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, institut pengajian tinggi awam dan swasta, penjawat awam (guru, pensyarah, agensi/jabatan pelbagai bidang), penggiat jawi dan khat, penerbit buku dan orang awam pelbagai bangsa.



OBJEKTIF

- Memupuk minat membaca dan menulis tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat;
- Membudayakan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat;
- Memartabatkan tulisan Jawi sebagai khazanah warisan bangsa;
- Meningkatkan kebudayaan, kesenian dan warisan Malaysia khususnya peradaban dan budaya Melayu.

Pengisian Aktiviti

- **Wacana Tulisan Jawi:** *"Tulisan Jawi: Penzahiran Budaya dan Santunan Budi Masyarakat Malaysia"* - 14 November 2016, 2.30 petang – 4.00 petang.

Membicarakan senario tulisan jawi yang berlaku di Malaysia hari ini dan falsafah serta budaya yang disampaikan melalui tulisan jawi, khususnya dalam penulisan manuskrip Melayu.



- **Pertandingan Bina Kata Jawi** - 15 November 2016, 11.00 pagi – 12.30 tengah hari. Pertandingan Bina Kata Jawi untuk kategori sekolah rendah dan menengah yang diacarakan oleh Deejay Faiz Hj. Othman dari Radio IKIM.fm.



- **Bengkel Cepat Baca Jawi** - 15 November 2016, 2.30 petang – 4.00 petang. Memperkenalkan cara yang mudah mempelajari tulisan Jawi melalui kaedah Baca Dengan Nombor (DBN) oleh Ustaz Wan Mohammad Wan Mahamod, Penolong Kanan Kokurikulum, SK Dato' Allaудin Selinsing, Perak.



- **Kuiz Jawi** - 14 – 15 November 2016, 12.30 tengah hari – 1.00 petang. Kuiz berkaitan pengetahuan am dan ejaan dalam tulisan Jawi yang dikendalikan oleh Penyelia Perpustakaan Desa PNM.



- **Persembahan Buskers Dakwah** - 14 – 15 November 2016, 4.30 petang – 5.00 petang.
Persembahan Buskers Dakwah oleh Koloni Aman Jaya, Perak.



- **Bengkel Pengkaedahan Tulisan Jawi** - 14 – 15 November 2016, 9.30 pagi – 4.00 petang Memperkenalkan Kaedah Tulisan Jawi Yang Disempurnakan (TJYD) oleh Tuan Ustaz Haji Azman Haji Ahmad, Pegawai Perancang Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka.



- **Bengkel Literasi Maklumat dan Media** - 15 November 2016, 9.30 pagi – 4.00 petang. Menerangkan teknik pencarian maklumat berkesan dan Perkhidmatan Pangkalan Data Digital PNM oleh Encik Yazid Ibrahim, Penolong Pengarah (K), PNM.



- **Pertandingan Pantun Kreatif Jawi** - 14 November 2016, 10.00 – 11.00 pagi.
Pertandingan transliterasi pantun rumi ke jawi berserta lakaran yang paling kreatif (kategori sekolah rendah dan menengah).



- **Pertandingan Kolaj Jawi** - 14 November 2016, 10.00 pagi – 11.00 pagi.
Pertandingan menghasilkan kolaj jawi daripada tisu (kategori prasekolah).



- **Pertandingan Sahibba Jawi** - 15 November 2016, 10.00 pagi – 12.00 tengah hari.
Pertandingan menguji kemahiran dan penguasaan tulisan jawi baharu melalui sahibba jawi (kategori sekolah rendah dan menengah).



- **Pertandingan Khat Jawi** - 14 November 2016, 10.00 pagi – 11.00 pagi.
Pertandingan seni khat jawi (kategori kanak-kanak, remaja dan dewasa).



- **Pameran Manuskip Melayu dan Koleksi Nadir PNM** - 14-15 November 2016, 9.30 pagi – 5.00 petang.
Mempamerkan naskhah manuskrip Melayu berkaitan negeri Perak dan jenis-jenis penulisan khat dalam manuskrip Melayu.



- **Gerai Jualan** - 14-15 November 2016, 9.30 pagi – 5.00 petang.
Pempamer terdiri daripada penggiat seni khat dan jawi serta jualan buku dan cenderahati.




Ekspos Buku 1Malaysia

(14 - 18 Disember 2016)

Perpustakaan Negara Malaysia turut menyertai Ekspos Buku 1Malaysia 2016 yang telah berlangsung pada 14 hingga 18 Disember 2016 sebagai sokongan kepada usaha menggalak dan menyemarak budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara aktiviti yang telah dijalankan di gerai PNM adalah seperti berikut:

- Jom Belajar Khat Bersama Ustaz Zainurrahman Afandi
- Pertandingan Sahibba Jawi
- Sesi Bercerita Bersama Atuk Yem
- Pantun Jawi Kreatif
- Seni Kreatif Mewarna
- Uji Minda: Bina Kata



Pertandingan Pantun Jawi Kreatif.



Jom Belajar Khat Bersama Ustaz Zainurrahman Afandi.



Sesi Bercerita Bersama Atuk Yem.



PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

Program

Literasi Media & Maklumat



Anda ada masalah mencari maklumat?
Perpustakaan Negara Malaysia sedia membantu...



Tingkatkan kemahiran anda dalam
Mengesan, Menilai dan
Mengurus Maklumat dengan Berkesan

maklumat di hujung jari

SUMBER MAKLUMAT

- Bahan Bersejarah
- Sumber Elektronik
- Internet
- Manusia
- Bahan Audio Visual

Peta Maklumat

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Bahagian Gerakan Literasi Maklumat

Tel : 03 - 2687 1700

Faks : 03 - 2687 4356

Emel : bglm@pnm.gov.my

www.pnm.gov.my



Program Literasi Media Dan Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia Bagi Tahun 2016

Bil	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Penganjur/Tempat	Bil. Peserta (Orang)
1.	3 Februari 2016	Pelajar Universiti Taklimat LMM untuk pelajar Diploma Pengurusan Perpustakaan UiTM Melaka sempena lawatan sambil belajar ke Perpustakaan Negara Malaysia	PNM	127
2.	3 - 4 Februari 2016	Pensyarah Program LMM untuk Pensyarah Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan	28
3.	15 Februari 2016	Guru Perpustakaan dan Media Program LMM untuk Guru Perpustakaan dan Media (GPM) sempena sambutan program NILAM peringkat daerah Sitiawan, Perak	Sekolah Kebangsaan Sitiawan, Perak	50
4.	16 Februari 2016	Pelajar Sekolah Rendah Program LMM untuk Pelajar Sekolah Rendah sempena sambutan program NILAM peringkat daerah Sitiawan, Perak	Sekolah Kebangsaan Sitiawan, Perak	200
5.	27 Februari 2016	Pengunjung PNM Bengkel In4Skill Pengunjung@PNM untuk Pelajar Kolej SAITO sempena program Singgahsantai@PNM	BGLM	45
6.	29 Februari 2016	Kakitangan Kerajaan Bengkel LMM untuk pegawai penyelidik daripada Parlimen Malaysia	BGLM	25
7.	7 Mac 2016	Pensyarah IPG Program LMM untuk Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak	IPG Kampus Ipoh, Perak	57
8.	11 Mac 2016	Pelajar Sekolah Rendah Program LMM untuk pelajar SJKC Chian Kuo, Muar, Johor	PNM	45
9.	24 Mac 2016	Pelajar Sekolah Menengah Program LMM untuk pelajar sekolah menengah Salak Tinggi, Selangor sempena lawatan sambil belajar ke PNM	PNM	45
10.	28 - 29 Mac 2016	Kakitangan Kerajaan Bengkel LMM untuk wartawan dan kakitangan Jabatan Penyiaran Malaysia	RTM	50



Bil	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Penganjur/Tempat	Bil. Peserta (Orang)
11.	30 Mac 2016	Kakitangan Kerajaan Bengkel LMM untuk kakitangan Jabatan Penerangan Malaysia	Jabatan Penerangan	50
12.	4-6 April 2016	Pelajar Sekolah Menengah Bengkel ini diadakan untuk pelajar-pelajar Sekolah Menengah di 4 buah sekolah sekitar Johor Bahru sempena Program Kem Membaca 1Malaysia 2016	PNM & BTP, KPM	300
13.	8 April 2016	Pustakawan MARA Program LMM untuk kakitangan perpustakaan yang bertugas di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Pusat Kecemerlangan MARA, Pulau Pinang	50
14.	12 April 2016	Pensyarah IPG Taklimat LMM untuk pensyarah IPG Zon Timur	IPG Kuala Terengganu	70
15.	13 April 2016	Pelajar IPG Taklimat LMM untuk pelajar IPG Zon Timur	IPG Kuala Terengganu	140
16.	18 April 2016	Pelajar Sekolah Rendah Program LMM untuk Pelajar SK Convent 1, Sentul sempena sambutan program NILAM peringkat sekolah	SK Convent 1, Sentul, Kuala Lumpur	50
17.	22 April 2016	Pelajar Sekolah Menengah Program LMM untuk Pelajar SMK Gombak Setia, Kuala Lumpur sempena sambutan program NILAM peringkat sekolah	SMK Gombak Setia, Kuala Lumpur	60
18.	23 April 2016	Pelajar Sekolah Rendah Program LMM untuk Pelajar SK Bukit Damansara sempena Kem Kepimpinan pengawas Pusat Sumber Sekolah	SK Bukit Damansara, Kuala Lumpur	75
19.	27 April 2016	Kakitangan Hospital Bengkel LMM untuk kakitangan Hospital Tuaran, Sabah	Hospital Tuaran, Sabah	55
20.	28 April 2016	Kakitangan Gunasama Perpustakaan Bengkel LMM untuk kakitangan Hospital Tuaran, Sabah	Hospital Tuaran, Sabah	55
21.	4 - 5 Mei 2016	Kakitangan Perpustakaan Bengkel TOT LMM khusus untuk kakitangan perpustakaan Universiti Teknologi Petronas (UTP), Tronoh, Perak	Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, Perak	20
22.	9 Mei 2016	Wartawan Program Literasi Maklumat Penyelidikan khusus untuk wartawan anjuran bersama Institut Wartawan Malaysia (MPI) dan PNM	MPI & PNM	20
23.	14 Mei 2016	Pengunjung PNM Bengkel In4Skill LMM untuk pengunjung PNM sempena program Singgah Santai @ PNM	BGLM	36



Bil	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Penganjur/Tempat	Bil. Peserta (Orang)
24.	27 - 29 Mei 2016	Pengunjung Pusat Beli-belah Alamanda Aktiviti LMM untuk Pengunjung Pusat Beli-belah Alamanda sempena Hari Bersama Pelanggan @ Alamanda anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)	BGLM	20
25.	29 Mei 2016	Pelajar Sekolah Menengah LMM sempena program lawatan sambil belajar dari SMK Tun Perak, Padang Rengas, Perak	Pusat Hipermédia Dewasa, PNM	44
26.	14 Julai 2016	Pensyarah LMM untuk pensyarah Kolej Polytech MARA, Ipoh, Perak	Kolej Polytech MARA, Ipoh	26
27.	18 Julai 2016	Pelajar Politeknik Pelajar Semester 6, Politeknik Jeli, Kelantan	Politeknik Jeli, Kelantan	181
28.	19 Julai 2016	Sesi LMM untuk Guru Perpustakaan dan Media dan Staf Perpustakaan Desa sekitar Jeli, Kelantan	Politeknik Jeli, Kelantan	34
29.	25 Julai 2016	Penjawat Awam (Penerima Hadiah Latihan Persekutuan) dan Staf Perkhidmatan Gunasama Sesi LMM sempena Bengkel Eksplorasi Perpustakaan Digital PNM	Auditorium JPA	57
30.	26 Julai 2016	Penjawat Awam (Penerima Hadiah Latihan Persekutuan) dan Staf Perkhidmatan Gunasama Sesi LMM sempena Bengkel Eksplorasi Perpustakaan Digital PNM	Auditorium JPA	64
31.	27 Julai 2016	Penjawat Awam (Penerima Hadiah Latihan Persekutuan) dan Staf Perkhidmatan Gunasama Sesi LMM sempena Bengkel Eksplorasi Perpustakaan Digital PNM	Auditorium JPA	53
32.	29 Julai 2016	Jurulatih Maritim LMM sempena program Seminggu bersama Pusat Sumber SMK Orkid Desa, Cheras, Kuala Lumpur	SMK Orkid Desa, Cheras, Kuala Lumpur	29
33.	2 Ogos 2016	Jurulatih Maritim Bengkel LMM untuk staf Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Gebeng, Kuantan, Pahang	AMSAS	14
34.	3 Ogos 2016	Kakitangan swasta Bengkel LMM untuk staf RANACO, Gebeng, Kuantan, Pahang	AMSAS	14
35.	3 Ogos 2016	Kakitangan Perpustakaan Taklimat LMM untuk kakitangan perpustakaan di bawah KKM sempena Kursus Standard Entri Pengkatalogan Malaysia	Kolej Sains Kesihatan Bersekutu, Tanjung Rambutan, Perak	97
36.	27 Ogos 2016	Pelajar kolej dan orang awam Bengkel In4Skill LMM untuk Pelajar kolej dan orang awam dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia sempena program Singgah Santai @ PNM	Pusat Hipermédia Dewasa, Aras 4, Anjung Bestari, PNM	40



Bil	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Penganjur/Tempat	Bil. Peserta (Orang)
37.	27 Ogos 2016	Pengunjung PNM Aktiviti Literasi Kesihatan dengan kerjasama Pusat Transplan Nasional khusus untuk pengunjung sempena program Singgah Santai @ PNM	Ruang Parkir PNM	200
38.	7 September 2016	Pensyarah Bengkel LMM untuk Pensyarah Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak	Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak	30
39.	7 September 2016	Pelajar Politeknik Bengkel LMM untuk pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak	Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak	50
40.	7 September 2016	Pelajar Politeknik Taklimat LMM kepada pelajar kursus pengurusan perniagaan Politeknik Merlimau, Melaka sempena lawatan sambil belajar ke PNM	Pusat Hipermedia Dewasa, PNM	44
41.	19 September 2016	Pensyarah dan Staf Bengkel LMM untuk Pensyarah dan Staf University College Bestari, Setiu, Terengganu	University College Bestari, Setiu, Terengganu	15
42.	20 September 2016	Pelajar Bengkel LMM untuk pelajar University College Bestari, Setiu, Terengganu	Kolej Universiti Bestari, Setiu, Terengganu	140
43.	22 September 2016	Guru Bengkel Literasi Maklumat dan Media untuk guru-guru Sek. Keb. Bandar Behrang, Tanjung Malim, Perak dan guru dari sekolah berhampiran	INSTUN & Sek. Keb. Bandar Behrang, Tanjung Malim, Perak	50
44.	27 September 2016	Pembantu Perpustakaan PD Taklimat LMM kepada Pembantu Perpustakaan sempena Kursus Asas Perpustakaan Desa 2016	BPMI & BPPD	59
45.	29 - 30 September 2016	Pelajar Politeknik Bengkel LMM dan PNM Digital untuk pelajar Politeknik Dungun, Terengganu	Politeknik Dungun, Terengganu	850
46.	29 - 30 September 2016	Pelajar Politeknik Bengkel LMM dan PNM Digital untuk pelajar Politeknik Dungun, Terengganu	Politeknik Dungun, Terengganu	650
47.	4 - 5 Oktober 2016	Pegawai Perubatan HKL Bengkel LMM untuk Pegawai Perubatan dan kakitangan Hospital Kuala Lumpur	Hospital Kuala Lumpur	30
48.	9 Oktober 2016	Guru Bengkel LMM kepada guru-guru Sekolah Integriti Se-Malaysia dan guru-guru Pusat Sumber sekitar Muar sempena Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati	PKG Parit Setangkak, Muar, Johor	60
49.	10 Oktober 2016	Pelajar PPA Bengkel LMM untuk pelajar Pusat Pemulihan Akhlak, Muar Johor sempena Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati	Pusat Pemulihan Akhlak, Muar Johor	25



Bil	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Penganjur/Tempat	Bil. Peserta (Orang)
50.	10 Oktober 2016	Penghuni PPA Bengkel LMM untuk penghuni Pusat Pemulihan Akhlak, Muar Johor sempena Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati	Pusat Pemulihan Akhlak, Muar Johor	100
51.	20 Oktober 2016	Staf Perpustakaan Bengkel LMM dan Perkhidmatan Digital untuk kakitangan lantikan baru di bawah kerajaan negeri Sarawak	Hotel Imperial, Kuching, Sarawak	59
52.	22 Oktober 2016	Pengunjung PNM Bengkel Literasi Kesihatan bersama Dr. Rushmini Maris Ismail, Pakar Kecantikan dan Kesihatan dan Masterchef Johari Edrus (Papa Jo) sempena program Singgah Santai @ PNM	PNM	200
53.	26 Oktober 2016	Guru dan ibu bapa Taklimat LMM untuk Guru dan Ibu bapa sempena Program Gajet dan PNM Digital	Auditorium PNM	280
54.	27 Oktober 2016	Kakitangan Gunasama Taklimat LMM untuk kakitangan perkhidmatan gunasama perpustakaan Zon Utara sempena Mesyuarat perkhidmatan gunasama perpustakaan di bawah PNM	Hotel Kinta River, Perak	80
55.	7 November 2016	Staf Perpustakaan Desa Taklimat LMM untuk staf Perpustakaan Desa bersempena Kursus Pemantapan Perpustakaan Desa 2016	KL International Hotel	60
56.	15 November 2016	Guru Perpustakaan dan Media Bengkel LMM untuk Guru Perpustakaan dan Media sempena program Karnival Jawi @ Perak 2016	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	50
57.	17 November 2016	Kakitangan Awam Bengkel LMM untuk kakitangan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	78
58.	22 November 2016	Kakitangan Gunasama Taklimat LMM untuk kakitangan perkhidmatan gunasama perpustakaan Zon Tengah sempena Mesyuarat perkhidmatan gunasama perpustakaan di bawah PNM	Auditorium PNM	100
59.	23 November 2016	Pelajar dan Guru Sekolah Menengah Taklimat LMM kepada pelajar sekolah menengah bersempena Program Seminar Jom Baca	Dewan Sebaguna Taiping, Perak	200
60.	30 November 2016	Pustakawan dan Staf Perpustakaan IPTS Taklimat LMM untuk pustakawan dan staf perpustakaan IPTS sempena Bengkel Eksplorasi Perpustakaan Digital PNM bagi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)	UIAM, Cyberjaya	71




Bil	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Penganjur/Tempat	Bil. Peserta (Orang)
61.	1 Disember 2016	Pelajar IPTS Bengkel LMM untuk pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Petaling Jaya, Selangor bersempena Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Pusat Hipermedia Dewasa, Anjung Bestari, PNM	20
62.	3 Disember 2016	Pengunjung PNM Taklimat LMM "Tips Pelancongan Ilmu" kepada pengunjung bersama Pusat Tuisyen Genius Young Minds sempena program Singgah Santai @ PNM bil 5/2016	Anjung Bestari, PNM	15
JUMLAH				5,842


Statistik Program Literasi Media dan Maklumat PNM Bagi Tahun 2010-2016

Bil	Sesi	Bilangan Peserta
2010	3	110
2011	10	446
2012	39	3,199
2013	33	1,695
2014	41	2,195
2015	35	3,436
2016	62	5,842
JUMLAH	223	16,923

Bilangan Peserta Program Literasi Media dan Maklumat PNM Bagi Tahun 2010 - 2016



Bilangan Sesi Program Literasi Media dan Maklumat PNM Bagi Tahun 2010 - 2016



SEKITAR AKTIVITI PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT





PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI



PENERBITAN RANCANGAN KLIKNIK JAWI RADIO IKIM.FM 2016

Perpustakaan Negara Malaysia meneruskan penerbitan Rancangan Klinik Jawi di Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM.fm) yang mula bersiaran pada 2 April 2016 hingga 30 Disember 2016. Rancangan ini diterbitkan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM.fm).

OBJEKTIF

- Menjadikan Rancangan Klinik Jawi sebagai medium untuk masyarakat mempelajari tulisan Jawi;
- Memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai Sistem Ejaan Jawi yang disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di peringkat lanjutan;
- Menyediakan platform perkongsian ilmu berkaitan perkembangan dan inovasi semasa tulisan Jawi oleh para penggiat jawi;
- Menyediakan pembelajaran tulisan Jawi sepanjang hayat kepada masyarakat pelbagai peringkat umur.



► Pelaksanaan Rancangan Klinik Jawi :

Kaedah Siaran : Siaran secara langsung dan rakaman

Episod Tajaan : 39 episod

Durasi Siaran : 30 minit

Masa Siaran : Setiap Sabtu, jam 9.30 pagi hingga 10.00 pagi

Tempoh : 2 April 2016 hingga 30 Disember 2016

Siaran Ulangan : Setiap Ahad, jam 1.15 pagi

Nota Klinik Jawi : Nota Klinik Jawi dimuat naik melalui laman sesawang Perpustakaan Negara Malaysia di www.pnm.gov.my.

Kuiz Klinik Jawi : Soalan kuiz diberikan melalui facebook Klinik Jawi setiap minggu, dan pemenang akan diberikan hadiah berupa buku Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas dan barang promosi Pembudayaan Tulisan Jawi.

Tenaga Pengajar : Tuan Haji Azman bin Haji Ahmad, pakar tulisan Jawi dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Pemudahcara : Encik Mohd Faiz Hj. Othman, penyampai radio IKIM.fm.

► Sidang Media Khas Rancangan Klinik Jawi

- Sidang Media Khas Rancangan Klinik Jawi telah diadakan pada 15 April 2016 (Jumaat) bertempat di Bilik Serbaguna, PNM. Sidang media ini disampaikan oleh YBrs. Puan Hajah Nafisah Ahmad (Ketua Pengarah PNM), Dr. Nik Roskiman Abdul Samad (Pengarah Pusat Media IKIM.fm) dan Rosli Abd Ghani (Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan DBP).
- Majlis ini bertujuan menghebahkan musim baru penerbitan Rancangan Klinik Jawi di IKIM.fm sebanyak 39 episod yang bersiaran mulai 2 April 2016 hingga 30 Disember 2016. Rancangan ini bersiaran pada setiap Sabtu, jam 9.30 pagi, selama 30 minit dan dibimbang oleh Tuan Haji Ustaz Azman Ahmad, Pegawai Perancang Bahasa, DBP bersama Penyampai Radio Tuan Haji Mohd Faiz Hj. Othman.
- Rancangan ini diterbitkan bertujuan memperkasa tulisan jawi dalam kalangan rakyat Malaysia dengan memperkenalkan sistem ejaan jawi yang tepat melalui penyampaian yang ringkas, santai dan interaktif. Para pendengar berpeluang memuat naik modul klinik jawi di laman web PNM iaitu www.pnm.gov.my dan berpeluang memenangi hadiah dalam Kuiz Jawi melalui facebook Klinik Jawi di www.facebook.com/klinikjawi. Majlis ini diserikan dengan Demonstrasi Khat, Pameran Manuskrip Melayu, Bengkel Cepat Baca Jawi, Puzzle Jawi, Sahibba Jawi dan Pertandingan Uji Minda Jawi. Seramai 200 jemputan telah hadir ke majlis ini.

GALERI SIDANG MEDIA KHAS KLINIK JAWI



Majlis Sidang Media Khas
Klinik Jawi, 15 April 2016
di Bilik Serbaguna, PNM





Permainan Sahibba Jawi



Pameran Manuskrip Melayu



Pertandingan Uji Minda Jawi



Pemenang Pertandingan Uji Minda Jawi



Jom Baca Jawi



Bengkel Cepat Baca Jawi



LIPUTAN AKHBAR MENGENAI PENERBITAN KLINIK JAWI

“PNM dan DBP teruskan Rancangan Klinik Jawi

Oleh Nur Syafikah Shahrom dan Siti Syahirah Suhaimi
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Dewan Bahasa Pustaka (DBP) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) meneruskan penerbitan Klinik Jawi bagi memperkasa penggunaan tulisan jawi dalam kalangan masyarakat.

Rancangan 90 episod itu boleh diikuti menerusi saluran radio IKIM.fm bermula 2 April lalu hingga 30 Disember tahun depan.

Ketua Pengarah PNM, Nafisah Ahmad, berkata program terbabit bertujuan membudayakan tulisan jawi dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda. “Rancangan berkenaan menjadi perantara dalam menyedarkan masyarakat berhubung kepentingan mempelajari dan mempertahankan tulisan jawi sebagai khazanah ilmu. “Tulisan jawi berupaya membuktikan warisan tamadun bangsa, justeru kami berharap ia diterima sebagai tulisan warisan dunia dan diiktiraf Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO),” katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan DBP, Rosli Abdul Ghani, dan Pengarah IKIM, Dr Nik Roskiman Abdul Samad.

Sementara itu, Pegawai Perancang Bahasa DBP, Azman Ahmad, berkata siri terbaru itu berbeza dengan penerbitan sebelumnya, susulan beberapa penambahbaikan. “Tempoh siaran episod kali ini dipanjangkan dari 15 minit menjadi setengah jam dengan pengisian program lebih menarik seperti segmen kuiz.

“Setiap episod mengandungi dua segmen. Segmen pertama adalah menjawikan perkataan secara langsung bersama pendengar, manakala segmen kedua adalah perkongsian ilmu bersama tokoh penulisan jawi,” katanya.

Pendengar boleh melayari pautan Nota Klinik Jawi menerusi laman web PNM di www.pnm.gov.my.

Rancangan terbabit disiarkan pada jam 9.30 pagi setiap Sabtu dengan bimbingan Azman dan dikendalikan penyampai radio IKIM.fm, DJ Faiz Othman.



Aktiviti Pelaksanaan Program Jawi

Bil	Aktiviti/Tarikh	Pengisian	Tempat
1.	Singgah Santai@PNM Relakslah Dulu.....Siri 1/2016 27 Februari 2016 (Sabtu) 10.00 pagi – 5.00 petang	1. Pertandingan Bina Kata Jawi 2. Pertandingan Baca Jawi 3. Mengenal Huruf Jawi	Perpustakaan Negara Malaysia
2.	Rancangan Klinik Jawi@IKIMfm 2 April 2016 9.30 pagi – 10.00 pagi (2 April – 31 Disember)	Pembelajaran jawi peringkat pertengahan	Radio IKIM.fm
3.	Majlis Sidang Khas Media Rancangan Klinik Jawi 15 April 2016 (Jumaat) 9.30 pagi – 12.00 tgh	1. Bengkel Cepat Baca Jawi Oleh Ustaz Wan Mohd Azhar 2. Demonstrasi Khat Oleh Ustaz Zainurrahman Afandi 3. Sahibba Jawi 4. Pertandingan Uji Minda 5. “Puzzle” Jawi 6. Pameran Manuskrip Melayu	Perpustakaan Negara Malaysia
